

RASA-FENOMENOLOGI  
SEBAGAI SATU TEORI PENGALAMAN ESTETIK:  
SATU KAJIAN KARYA-KARYA A. SAMAD SAID

oleh

SOHAIMI ABDUL AZIZ

Tesis yang diserahkan untuk memenuhi  
keperluan bagi Ijazah Doktor Falsafah

Ogos 1995

## PENGHARGAAN

Kesempatan yang bermakna ini, saya panjatkan kesyukuran kepada Allah yang Al Rahman dan Al Rahim kerana telah menganugerahkan rahmat dan hidayat-Nya untuk saya sempurnakan kajian ini.

Sejambak jutaan terima kasih saya rakamkan untuk Dato' Profesor Emeritus Haji Shahnon Ahmad yang telah memberi fikiran yang bernas, kritikan yang tajam dan pandangan yang membina di dalam prosesnya menyelia kajian ini. Seterusnya, jutaan terima kasih juga dirakamkan untuk Profesor Jitendra Mohanty dan Profesor Richard Shusterman dari Bahagian Falsafah, *College of Arts and Sciences*, Temple University, Philadelphia, Amerika Syarikat kerana berkongsi ide untuk saya suburkan ke dalam kajian ini. Seuntai jutaan terima kasih kepada Sasterawan Negara A. Samad Said kerana sudi ditemuramah dan berdiskusi tentang karya-karyanya.

Kesempatan yang terluang ini, saya manfaatkan juga untuk mengabadikan selaut penghargaan kepada pihak Universiti Sains Malaysia kerana memberi peluang kepada

saya untuk mendapatkan pendedahan intelektual selama enam bulan di Temple University. Saya juga merakamkan jutaan terima kasih kepada Profesor Madya Dr. Md Salleh Yaapar - Dekan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia kerana memberi buah fikiran yang bernalas untuk memperkemaskan dan memantapkan lagi kajian ini. Tidak ketinggalan juga jutaan terima kasih untuk bekas Dekan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan iaitu Profesor Mahindar Santokh Singh yang telah memberi galakan dan sokongan yang berterusan. Akhir sekali, sekalung terima kasih juga kepada para pensyarah Bahagian Kesusaasteraan, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan dan rakan-rakan sepengajian.

Untuk dua insan istimewa yang  
menghayun buaian kasih dan  
mendodoikan gemersik  
kehidupan; ayahanda Abdul  
Aziz Zakaria dan bonda Zaharah  
Mohd Zain. Untuk anak-anakku  
yang disayangi; Siti Sabrina,  
Siti Atiqah, Muhamad Syazwan  
dan Muhamad Syahir - tanpa  
ilmu tanpa Diri tanpa rupa.  
Untuk isteri.

## **ABSTRAK**

Pengalaman estetik dan perhubungannya dengan Kesusasteraan Melayu Moden belum mendapat perhatian dan kajian secara sistematis. Sehingga kini, belum ada lagi usaha untuk mengkaji pengalaman estetik dan perhubungannya dengan karya-karya Kesusasteraan Melayu Moden, khususnya karya-karya A. Samad Said. Sehubungan dengan itu, tesis ini merupakan satu kajian yang cuba untuk menjelaskan perhubungan itu.

Berhubung dengan persoalan di atas, kajian ini telah membina satu teori estetik yang dikenali sebagai teori *rasa-fenomenologi*. Teori estetik ini adalah hasil daripada kombinasi dan penyesuaian dua buah teori estetik yang lain. Bertepatan dengan tujuan kajian, empat objektif yang berhubungan telah dikenalpasti. Objektif pertama; merakamkan pengadilan estetik yang berdasarkan kepada pengalaman estetik yang dinikmati menerusi karya-karya A. Samad Said. Objektif kedua; mengenalpasti bagaimana pengarang dapat menghasilkan korelatif-korelatif objektif yang bertenaga untuk menghasilkan pengalaman

estetik yang berkesan. Objektif ketiga; mengenalpasti genre yang manakah yang mempunyai nilai artistik tinggi yang dapat memberi pengalaman estetik yang berkesan. Akhir sekali; mengkaji sejauh manakah proses estetik intertekstual dapat memberi pengalaman estetik yang berkesan kepada pembaca.

Kajian ini telah dapat memperlihatkan empat penemuan yang penting. Penemuan-penemuan itu dapat disimpulkan seperti berikut:

Pertama; kajian ini telah mendapati bahawa pengadilan estetik yang dirakamkan memperlihatkan tujuh jenis ekspresi sastera dan di antara tujuh ekspresi sastera itu, Rasa Dahsyat, Rasa Kagum, Rasa Duka, Rasa Berang dan Rasa Benci merupakan lima ekspresi sastera yang bertenaga dibangunkan oleh pengarang. Kelima-lima ekspresi sastera ini juga adalah manifestasi pengalaman estetik yang berkesan. Kedua; teknik penulisan A. Samad Said telah menjadi satu faktor yang sangat penting kepada pembentukan korelatif-korelatif objektif yang berkesan dan dapat memberi pengalaman estetik yang ampuh kepada pembaca. Ketiga; novel dan puisi merupakan dua buah genre yang berjaya dieksplotasikan oleh pengarang dengan berkesan berbanding dengan cerpen dan drama. Akhir sekali, dialogisme yang kental

di dalam beberapa buah karya-karyanya telah mengizinkan proses estetik intertekstual diaplikasikan dan membantu pembaca mengalami pengalaman estetik yang berkesan menerusi proses pengkonkritan estetik.

## **ABSTRACT**

### **RASA-PHENOMENOLOGY AS A THEORY OF AN AESTHETIC EXPERIENCE: A STUDY OF THE WORKS OF A. SAMAD SAID**

The relationship between aesthetic experience and the Malay Modern Literature has not been systematically comprehended in the perspective of modern aesthetics. In relation to that, no attempt has been initiated to venture into the possibility of exploring the works of A. Samad Said, particularly in the context of aesthetic experience. As a result, this study aims to explicate the nature of such a relationship.

Accordingly, an aesthetic theory has been designed, known as *rasa-phenomenology*. *Rasa-phenomenology* is a consolidation and rectification of two aesthetic theories. Based on *rasa-phenomenology* and the works of A. Samad Said, this study proceeds with four interrelated objectives.

The first objective is to describe an aesthetic judgement according to the aesthetic experience of the works of A. Samad Said. The second objective is to identify the effectiveness of the objective correlatives which cultivate the process of nourishing the aesthetic experience. The third objective is to identify the genres which have been successfully exploited by the author in providing an effective aesthetic experience. The final objective is to study to what extent the process of intertextual aesthetic can provide an effective aesthetic experience in the works of A. Samad Said.

This study reveals four important findings which may be summarised as follows:

Firstly, the aesthetic judgement reveals seven literary expressions of which five are essential. They are; "Rasa-Dahsyat," "Rasa-Kagum," "Rasa-Duka," "Rasa Berang" and "Rasa Benci." These five forcefull literary expressions also manifest the effectiveness of the aesthetic experience as a result of which the objective correlatives have been creatively and artistically crafted. Secondly, the effectiveness of the objective correlatives in providing an efficacious aesthetic experience has a significant relation with the techniques

of writing of A. Samad Said. Thirdly, novel and poetry are the two genres which have been successfully explored by A. Samad Said to provide an effective aesthetic experience. Finally, a strong dialogism in the works of A. Samad Said, allows the intertextual aesthetic process to be successfully applied by a reader which gives a strong impact to the effectiveness of the aesthetic experience.

## JADUAL KANDUNGAN

Muka Surat

PENGHARGAAN . . . . .	ii
ABSTRAK . . . . .	v
Abstrak . . . . .	v
Abstract . . . . .	vi
JADUAL KANDUNGAN . . . . .	xi
BAB . . . . .	1
BAB I. PENGENALAN . . . . .	1
1.1 Pernyataan Kajian . . . . .	2
1.2 Objektif Kajian . . . . .	3
1.3 Kepentingan Kajian . . . . .	6
1.4 Tinjauan Kajian . . . . .	8
Karya-Karya A. Samad Said.	
1.5 Metodologi Kajian . . . . .	12
1.6 Organisasi Tesis . . . . .	17
BAB II. ESTETIKA . . . . .	23
2.1 Estetika: Hakikat, Fungsi dan Skop Kajiannya.	23

2.2	Estetika: Falsafah . . . . .	31
	Keindahan	
2.3	Teori Keindahan Objektif . . . . .	36
	(Teori Keindahan)	
2.4	Teori Keindahan Subjektif . . . . .	49
	(Teori Estetik)	
BAB III.	TEORI <i>RASA</i> -FENOMENOLOGI . . . . .	78
3.1	Teori <i>Rasa</i> : Sejarah . . . . .	80
	Perkembangannya.	
3.2	Teori <i>Rasa-dhvani</i> . . . . .	87
3.3	Kritikan Terhadap . . . . .	109
	Teori <i>Rasa-dhvani</i>	
3.4	Teori <i>Rasa-fenomenologi</i> . . . . .	112
3.5	Peringkat dan Proses . . . . .	129
	Di Dalam Pengalaman	
	Estetik Mengikut	
	Teori <i>Rasa-fenomenologi</i> .	
3.6	Teori <i>Rasa-fenomenologi</i> : . . . . .	134
	Karya, Pembaca dan	
	Pengarang.	
3.7	Pengadilan Estetik . . . . .	154
	(Pascaestetik)	
3.8	Pengadilan Estetik dan . . . . .	159
	Praestetik.	
3.9	Proses Estetik Intertekstual . . . . .	167
3.10	Penilaian Estetik . . . . .	179
BAB IV	RASA DAHSYAT . . . . .	194
BAB V	RASA KAGUM . . . . .	231
BAB VI	RASA DUKA . . . . .	276
BAB VII	RASA BERANG . . . . .	356

BAB VIII	RASA WIRA.	398
BAB IX	RASA BERAHIBAH	425
BAB X	RASA BENCI	441
BAB XI	KESIMPULAN	451
BAHAN RUJUKAN		464
SENARAI RUJUKAN		464

## BAB 1

### PENGENALAN

Falsafah keindahan (*philosophy of beauty*) dan perhubungannya dengan karya sastera tidak dapat dipisahkan. Perhubungan ini telah diperkatakan semenjak Zaman Greek-Roman lagi. Bermula pada Zaman Greek-Roman, keindahan diterima sebagai satu unsur yang menjadi milik ataupun kepunyaan karya sastera. Konsep keindahan begini terus dibincangkan dan dibahaskan sehingga pada abad ke 18, apabila perbincangan dan pentafsiran terhadap falsafah keindahan dilihat daripada perspektif yang berbeza.

Keindahan itu tidak lagi dikatakan menjadi milik karya sastera, sebaliknya telah berpindah kepada pembaca. Bermulalah konsep keindahan itu diterima sebagai suatu kualiti yang dirasai (*felt quality*) dan bukan lagi satu unsur yang objektif yang menjadi milik karya sastera. Pengalaman merasai/mengecapi/mengalami keindahan itu dikenali sebagai pengalaman estetik (*aesthetic experience*). Dengan kata lain bermula pada abad ke 18,

pengalaman estetik mula menarik perhatian di Barat dan berlangsunglah pelbagai wacana intelektual dan hasil kajian yang diterbitkan untuk menjelaskan tentang hakikat pengalaman estetik itu secara saintifik berasaskan kepada teori-teori yang tertentu.

### 1.1 Pernyataan Kajian

Di dalam konteks Kesusasteraan Melayu, perhubungan di antara falsafah keindahan dengan karya sastera belum mendapat perhatian yang serius daripada pengkaji-pengkaji sastera tempatan ataupun luar negeri. Terdapat beberapa nama yang tidak asing lagi seperti Muhammad Haji Salleh dan V.I. Braginsky yang cuba untuk mengemukakan tentang estetika Melayu dan Melayu-Islam. Namun usaha mereka masih bertumpu kepada membincangkan konsep keindahan sebagai unsur yang objektif yang dimiliki oleh karya sastera. Persoalan ini lebih terasing lagi apabila mahu memperkatakan tentang pengalaman estetik dan perhubungannya dengan Kesusasteraan Melayu Modern, khususnya karya-karya A. Samad Said. Ruang kajian untuk menjelaskan tentang pengalaman estetik dan hubungannya dengan karya-karya A. Samad Said masih terus terpinggir dan berada di dalam kekosongan.

Menyedari kekosongan itu, maka kajian ini merupakan satu kajian yang cuba untuk memenuhi ruang yang terbiar itu. Kajian ini akan menjelaskan secara teoritikal tentang pengalaman estetik dan hubungannya dengan karya-karya A. Samad Said.

Berdasarkan kepada teori *rasa-fenomenologi*, pengalaman estetik adalah satu pengalaman yang dialami apabila berlaku tiga proses serentak di dalam minda pembaca iaitu; (i) Emosi Tetap pembaca mengalami transformasi menjadi Emosi estetik, (ii) Karya sastera mengalami transformasi menjadi objek estetik dan (iii) Kesedaran biasa mengalami transformasi menjadi Kesedaran estetik. Transformasi ini akan menghasilkan nikmat estetik yang bersifat universal dan sensual.

Di dalam kajian ini, pengalaman estetik itu akan dirasionalkan dan dikonkritkan di dalam bentuk pengadilan estetik (*aesthetic judgement*). Pengadilan estetik ini akan berdasarkan kepada pengalaman estetik yang dikecapi menerusi karya-karya A. Samad Said.

### 1.2 Objektif Kajian

Bersesuaian dengan persoalan itu, maka beberapa objektif telah dapat dikenalpasti di dalam kajian ini

untuk menjelaskannya. Di dalam teori *rasa-fenomenologi*, perhubungan di antara pengalaman estetik dan pengadilan estetik merupakan sebahagian daripada satu sistem estetik yang melibatkan tiga proses yang berhubungan iaitu; *praestetik*, proses pengkonkritan estetik dan estetik pengadilan estetik ataupun *pascaestetik*. Pengadilan estetik merupakan satu usaha untuk merasionalkan dan mengkonkritkan pengalaman estetik berdasarkan teori *rasa-fenomenologi* serta menyampaikannya di dalam bahasa yang kreatif. Sehubungan dengan itu, objektif pertama kajian ini ialah untuk menghasilkan pengadilan estetik berdasarkan kepada teori *rasa-fenomenologi* yang diaplikasikan kepada karya-karya A. Samad Said.

Keberkesanan pengalaman estetik itu disebabkan oleh dua faktor yang berkaitan iaitu; pembaca dan pengarang. Pembaca mesti mempunyai kemahiran untuk mengkaji karya sastera dan "sehati" dengan pengarang. "Sehati" dengan pengarang bermaksud bahawa pembaca mesti sensitif, imaginatif dan intelek serta emosinya berkeupayaan untuk merasa dengan berkesan, berkeupayaan untuk simpati dan bersedia untuk menerima ekspresi sastera yang dibangunkan oleh pengarang.

Pembaca begini menjadi prasyarat yang pertama dariprasyarat kedua ialah kemampuan ataupun keupayaan

pengarang untuk menghasilkan karya yang dapat membantu pembaca mendapatkan pengalaman estetik yang berkesan. Keupayaan pengarang menghasilkan nilai artistik di dalam karyanya dapat membantu pembaca. Nilai artistik di dalam karya bukan satu kualiti tetapi satu *craft* ataupun kemahiran kepengarangan seseorang pengarang mengungkap korelatif objektif ataupun penentu yang bertenaga. Kemahiran kepengarangan itu boleh dijejaki melalui teknik penulisan yang digunakan. Lantaran itu, objektif kedua kajian ini ialah untuk mengenalpasti sejauh manakah teknik penulisan A. Samad Said dapat memberi kesan kepada pengungkapan korelatif objektif yang bertenaga untuk memberi pembaca pengalaman estetik yang berkesan.

Pemilihan karya-karya A. Samad Said di dalam kajian ini ada hubungannya dengan keupayaan sasterawan ini berkarya dengan menggunakan empat jenis genre iaitu novel, cerpen, drama dan puisi. Namun, adakah A. Samad Said dapat menguasai keempat-empat genre itu di dalam menghasilkan nilai artistik yang bertenaga bagi membantu pembaca mendapatkan pengalaman estetik yang berkesan? Justeru itu, objektif ketiga kajian ini ialah mengenalpasti sejauh manakah A. Samad Said dapat mengeksplorasikan genre yang digunakan bagi membantu pembaca mengalami pengalaman estetik yang bertenaga.

Estetik intertekstual merupakan di antara beberapa proses yang diaplikasikan oleh pembaca untuk mendapatkan pengalaman estetik yang berkesan dan proses ini perlu kepada unsur-unsur dialogik di antara karya dengan persekitarannya (khususnya di antara karya dengan pengarang dan pengarang dengan pembaca), karya dengan karya yang lain dan karya dengan unsur-unsur yang membina dirinya. Sehubungan dengan itu, objektif terakhir kajian ini ialah mengkaji sejauh manakah proses estetik intertekstual ini dapat diaplikasikan di dalam karya-karya A. Samad Said bagi memperkayakan proses pengkonkritan estetik dan seterusnya menjamin pengalaman estetik yang berkesan.

### 1.3 Kepentingan Kajian

Kajian ini merupakan satu kajian yang cuba untuk mengenengahkan satu teori estetik yang dibina daripada kombinasi dan penyesuaian dua teori estetik yang berasal dari Timur dan Barat. Kombinasi dan penyesuaian teori estetik Timur-Barat ini bertujuan untuk menjadikannya satu teori estetik yang holistik dan mempunyai ciri-ciri keuniversalan supaya dapat diaplikasikan kepada 'karya-karya daripada tradisi yang berbeza. Sebelum ini, jarang ada cubaan yang serius untuk mengenengahkan satu teori estetik yang holistik gandingan daripada Timur dan

Barat serta berkesan untuk mengkaji pengalaman estetik. Maka kajian ini cuba untuk memenuhi ruang kosong yang belum lagi diisi oleh pengkaji-pengkaji sastera tempatan dengan satu teori estetik yang bersifat holistik dan mempunyai unsur-unsur keuniversalan.

Keuniversalan itu bukan sahaja daripada segi subjek yang dikaji iaitu pengalaman estetik tetapi juga unsur yang menjadi asas kepada kajian ini dan unsur yang dimaksudkan itu ialah emosi. Emosi diterima sebagai satu unsur yang universal kerana ia telah dibuktikan dimiliki oleh manusia dari dahulu hingga kini. Di dalam teori rasa-fenomenologi, manusia dipercayai memiliki lapan Emosi Tetap di dalam minda bawah sedar mereka. Apa yang dimaksudkan dengan konsep Emosi Tetap di sini ialah; setiap manusia itu ada mempunyai beberapa emosi yang sama atau kekal sifatnya tanpa mengira zaman dan geografi.

Hakikat ini telah dibuktikan oleh ahli-ahli psikologi yang mengkaji emosi manusia. Mereka adalah ahli-ahli psikologi yang percaya kepada teori perlakuan (*behaviour theory*) untuk mendefinisikan jenis-jenis emosi. Di antara mereka ialah Robert Plutchick yang membuat kajian berdasarkan kepada perlakuan manusia dan di dalam kajianya, beliau menemui lapan emosi asal ataupun emosi tipainduk (*prototype emotion*) di dalam minda manusia.

Sungguhpun tidak semua emosi asal itu menepati kelapan-lapan (hanya enam sahaja) di dalam teori *rasa-fenomenologi*, namun apa ingin ditegaskan ialah teori estetik yang berdasarkan kepada emosi asal bukan satu teori yang bersifat tempatan tetapi menjangkau kepada sifat universal. Maka teori *rasa-fenomenologi* tidak harus dilihat di dalam konteks yang sempit sebaliknya teori ini wajar diletakkan di dalam arena yang lebih luas supaya keuniversalan itu terserlah.

#### 1.4 Tinjauan Kajian Karya-Karya A. Samad Said.

Seterusnya, kepentingan kajian ini ada hubungannya dengan pemilihan karya-karya A. Samad Said. Pemilihan karya-karya A. Samad Said untuk kajian ini mempunyai asas yang kukuh. Pertama; daripada segi kesusasterawanannya, A. Samad Said adalah sasterawan yang berbakat besar. Maka karya-karyanya juga mendapat reaksi yang meluas. Kehebatan A. Samad Said berkarya telah terbukti melalui pengiktirafan-pengiktirafan yang diterimanya sama ada di dalam ataupun di luar negara. Di antara pengiktirafan dalam negara yang terbesar ialah "Anugerah Sasterawan Negara" pada tahun 1985. "Anugerah Sasterawan Negara" merupakan pengiktirafan tertinggi kerajaan Malaysia kepada seorang

sasterawan Malaysia kerana sumbangannya kepada perkembangan kesusasteraan Melayu moden. Keistimewaan karya-karya A. Samad Said di dalam kesusasteraan Melayu moden tercatat di dalam *Laporan Panel Anugerah Sastera Negara 1985* (1986: 4). Laporan itu di antara lain menyatakan:

A. Samad Said orang yang pertama dalam golongan penulis Melayu yang berhasil memadukan ketukangan (*craft*) dan kesenian (*art*). Kesusasteraannya adalah hasil kesenian yang diangkat daripada kemahirannya...

Sumbangan A. Samad Said kepada kesinambungan kesusasteraan Melayu nampak menyerlah kerana dia adalah sebentuk cincin daripada rantai kesusasteraan Melayu yang menyambung ASAS 50 dengan angkatan sesudahnya.

Di antara pengiktirafan luar negara kepada A. Samad Said, ialah "Hadiah Penulisan Asia Tenggara" (*Sea Write Award*) pada tahun 1976 dan Anugerah ASEAN pada tahun 1993. Keistimewaan A. Samad Said sebagai sasterawan yang berbakat besar terbukti lagi apabila beberapa buah karyanya telah diterjemahkan ke dalam beberapa bahasa asing seperti Bahasa Inggeris dan Cina. Sehubungan dengan itu, karya-karya A. Samad Said yang manakah yang dapat memberi pengalaman estetik yang berkesan kepada pembaca? Persoalan ini telah mendapat perhatian di dalam kajian ini.

Sebagai sasterawan yang berbakat besar, karyanya mendapat perhatian daripada pengkaji-pengkaji kesusasteraan Melayu di dalam dan di luar negara. Walau bagaimanapun, kajian-kajian mereka tidak mengarah kepada membincangkan persoalan tentang pengalaman estetik yang dapat diperolehi daripada karya-karya A. Samad Said.<sup>1</sup> Pelbagai kajian, kritikan dan ulasan terbaru terhadap karya-karyanya boleh juga ditemui seperti yang ditulis oleh Shahnon Ahmad (1986), Umar Junus (1986), Shahlan Mohd Saman (1986 dan 1988), Rosnah Baharuddin (1990) dan Fatimah Busu (1992) (sekadar menyebut beberapa nama).<sup>2</sup> Namun, ulasan, kritikan dan kajian yang dilakukan masih berbaur dengan kajian-kajian yang terdahulu. Kajian-kajian mereka tertumpu kepada subjek yang sama seperti struktur, tema, pemikiran dan proses kreatif. Mereka masih tidak memenuhi ruang yang tersedia ada iaitu tentang persoalan keindahan, khususnya yang berkaitan dengan pengalaman estetik.

Seterusnya, sungguhpun ramai yang menyedari tentang kekuatan gaya penulisan A. Samad Said namun belum ada lagi kajian yang dilakukan untuk mengaitkan gaya penulisan itu dengan pengalaman estetik pembaca.<sup>3</sup> A. Teeuw ialah pengkritik luar yang telah memperkatakan tentang keistimewaan gaya penulisan A. Samad Said dan

di dalam ulasanya tentang novel *Salina*, beliau di antara lain menyatakan bahawa:

Pengarang ini suka memberi *detail* yang kecil-kecil. Gayanya hampir menjadi naturalistik, tetapi "detail" ini bertugas, turut menyingkapkan tabiat, kelakuan, cara berfikir manusia. Tidak ada penyifatan untuk menyifat sahaja. Buku ini lambat, dengan sengaja diperlambatkannya, tetapi tidak menjemukan. Kelambatan itu menjadi alat gaya yang penting, juga dalam unsur buku ini menjadi strukturnya menjadi amat mustahak, iaitu pertuturan.

(Teeuw, 1989: xvii)

Sehubungan dengan itu, maka amat signifikan untuk kajian ini mengenalpasti sejauh manakah gaya penulisan yang bersifat deskriptif itu dapat mempengaruhi keberkesanan pengalaman estetik pembaca. Bagaimana pula dengan gaya penulisan yang lain seperti gaya *nouveau roman* dan gaya penulisan yang membawa unsur-unsur realisme magis di dalam novel mutakhirnya? Selain itu, bagaimana pula dengan gaya bahasa, unsur bunyi, diksi dan teknik deskriptif di dalam sajak-sajaknya? Bagaimana pula dengan gaya penulisan di dalam drama dan cerpen? Adakah gaya penulisan dan gaya bahasa serta unsur bunyi juga mempengaruhi pengalaman estetik pembaca? Aspek-aspek ini belum mendapat perhatian yang serius daripada pengkaji-pengkaji sastera tempatan untuk dikaji di dalam konteks pengalaman estetik.

### 1.5 Metodologi Kajian

Teori *rasa-dhvani* ialah satu teori estetik yang tergolong di dalam teori *religio-aesthetic* kerana ia berhubungan dengan unsur-unsur metafizik. Kehadiran unsur-unsur metafizik ini ada hubungannya dengan desakan pada ketika itu (kira-kira atau ke 10) supaya teori *rasa* dapat diaplikasikan kepada karya-karya yang bercorak kerohanian seperti *Bhagavad-Gita*.

Kehadiran unsur-unsur metafizik ini disebabkan oleh falsafah yang mendasari teori estetik ini adalah falsafah Saiva. Melalui falsafah Saiva, maka Abhinavagupta berpendapat bahawa estetika dan agama menjadi sesuatu yang tidak dapat dipisahkan. Untuk menghidupkan ataupun mengkonkritkan falsafah Saiva ini di dalam teori *rasa* maka, Abhinavagupta telah membawa masuk teori *dhvani* dan teori *rasa* kemudiannya dikenali sebagai teori *rasa-dhvani*.

Teori *dhvani* menjelaskan bahawa makna sesuatu puisi itu tidak terhenti kepada lapisan strukturnya sahaja, malah pergi lebih jauh lagi ke dalam. Makna di dalam puisi tidak terhenti pada lapisan denotatif dan konotatif, sebaliknya menjangkau ke lapisan simbolik. Hakikat puisi ini (khususnya puisi-puisi yang bercorak kerohanian) menyebabkan ia dipercayai mempunyai "kuasa" menyaran

(*suggestive power*) untuk menyingkap hal keadaan kewujudan (*state of being*) pembaca yang mencapai taraf *sahridaya*, iaitu pembaca yang "sehati" dengan pengarang. Kesedaran kewujudan ini ataupun dikenali sebagai *cosmic consciousness* dan kesedaran inilah yang dikatakan sebagai *rasa* yang sebenar (*rasa* *sejati*). Dikatakan bahawa puisi yang bercorak kerohanian hanya wujud untuk persepsi pembaca dan kewujudannya terpisah daripada kehidupan biasa. Sehubungan dengan itu, respon pembaca kepada puisi itu juga harus luar biasa ataupun disebut sebagai *alaukika (sui generis)*.

Bagi membawa keluar ataupun melucutkan unsur-unsur metafizik ini, agar teori *rasa-dhvani* ini dapat disesuaikan dengan karya-karya yang dikaji iaitu karya sastera yang bersifat sensual, maka falsafah Saiva dan teori *dhvani* digugurkan dan digantikan dengan teori estetik fenomenologi yang bersifat sensual. Teori estetik fenomenologi, ialah satu teori estetik yang menerima pengalaman estetik itu sebagai satu fenomena yang lahir daripada satu kesedaran manusia. Di dalam kesedaran ini, persepsi pembaca bertaup rapat dengan karya sastera sehingga melahirkan objek estetik. Objek estetik ialah karya sastera yang telah mengalami proses transformasi di dalam minda pembaca. Kombinasi dan penyesuaian kedua-dua teori ini akan dirujuk sebagai teori *rasa-fenomenologi*.

Menggugurkan teori *dhvani* dan memasukkan teori estetik fenomenologi juga bertujuan untuk memperlihatkan keseimbangan tumpuan. Teori *rasa-dhvani* memberi tumpuan kepada transformasi yang terjadi kepada Emosi Tetap di dalam minda pembaca melalui proses *vyanjana*. Hasil daripada transformasi itu, Emosi Tetap berubah menjadi Emosi Estetik. Manakala teori estetik-fenomenologi pula memberi perhatian kepada transformasi yang berlaku kepada karya sastera sehingga menjadi objek estetik di dalam minda pembaca melalui proses pengkonkritic estetik. Dengan teori *rasa-fenomenologi*, tumpuan itu akan menjadi seimbang iaitu kepada emosi estetik dan objek estetik. Keseimbangan ini akan dapat memberi penjelasan dan penghuraian yang komprehensif maksud pengalaman estetik. Selain itu, dengan membawa masuk teori estetik fenomenologi, peranan pembaca di dalam proses pemupukan pengalaman estetik itu lebih jelas kerana teori estetik fenomenologi membuka ruang yang luas kepada partisipasi pembaca melalui proses pengkonkritic estetik. Walau bagaimanapun, partisipasi pembaca di dalam karya sastera lebih terkawal di dalam teori *rasa-fenomenologi*.

Teori *rasa-fenomenologi* akan dapat menghasilkan satu teori estetik yang mampu menjelaskan proses pengalaman estetik itu dalam bentuk yang lebih kemas dan sistematis. Bermula pada peringkat deria (pemahaman)

kepada imaginasi, estetik intertekstual, pengkonkritan estetik, empati dan akhirnya kepada peringkat identifikasi. Manakala kepada pengkaji (mesti menjadi pembaca terlebih dahulu), teori *rasa-fenomenologi* telah juga dapat menghasilkan satu sistem estetik yang dapat menjelaskan pengalaman estetik pada peringkat sensual dengan lengkap dan holistik. Sistem estetik ini meliputi tiga proses yang berhubungan iaitu (i) Praestetik, (ii) Pengkonkritan estetik dan (iii) Pengadilan estetik (Pascaestetik).

Kombinasi dan penyesuaian dua buah teori estetik yang berbeza daripada segi zaman dan tamadun ini, bukan semata-mata untuk mengimbangi kekurangan ataupun kelemahan di antara satu dengan yang lain, tetapi juga kerana kedua-dua teori ini ada beberapa persamaan iaitu kedua-duanya cuba untuk menjelaskan tentang pengalaman estetik. Kedua-duanya memberi perhatian kepada kesedaran estetik, kedua-duanya menjadikan emosi sebagai asas titik tolak bermulanya pengalaman estetik dan kedua-duanya juga menjadikan pengalaman estetik sebagai satu fenomena yang berlaku di dalam minda pembaca setelah berlaku satu proses transformasi estetik. Dengan kata lain, sungguhpun teori *rasa-fenomenologi* itu berasal dari zaman dan tamadun yang berbeza, kajian ini cuba untuk

menjadikan ia satu teori estetik yang universal sifatnya dan boleh diaplikasikan kepada tradisi yang berbeza.

Salah satu, aspek yang penting di dalam kajian ini ialah mengkaji keberkesanan pengalaman estetik dan salah satu proses untuk mendapatkan keberkesanan itu ialah melalui proses estetik intertekstual, iaitu satu proses yang digunakan berasaskan kepada unsur-unsur dialogik. Unsur dialogik di dalam karya boleh didapati di dalam pelbagai peringkat seperti fonetik, semantik, daksi, ungkapan, latar, perwatakan dan plot. Seterusnya, unsur dialogik juga terdapat di antara karya dengan persekitarannya dan karya dengan karya yang lain. Tugas pembaca ialah menghidupkan unsur-unsur dialogik itu untuk mendapatkan pengalaman estetik yang berkesan. Proses dialogik ini timbul berdasarkan kepada kombinasi dan penyesuaian dua teori iaitu teori dialogisme M.M. Bakhtin dan intertekstualiti Julia Kristeva.

Intertekstualiti Kristeva berbeza dengan dialogisme Bakhtin. Di dalam teori intertekstualiti Kristeva, ada unsur-unsur deskonstruksi iaitu Kristeva menganggap bahawa bahagian-bahagian karya itu berdialog di antara satu dengan yang lain untuk menimbulkan pertentangan-pertentangan di dalam karya sastera. Namun di dalam dialogisme Bakhtin perkara yang ditekankan,

ialah, unsur-unsur dialogik ini mengarah kepada satu kesatuan bukan kepada sesuatu yang jungkirbalik. Sehubungan dengan itu, di dalam teori *rasa-fenomenologi* pendekatan yang bersifat dekonstruksi ini telah ditolak. Sebaliknya, ia mengambil pendekatan daripada dialogisme Bakhtin. Namun pendekatan daripada intertekstualiti Kristeva masih terpakai iaitu menerima satu pendekatan yang percaya bahawa karya berdialog dengan unsur-unsur di dalam dirinya sendiri. Dengan kata lain, pembaca, karya sastera dan pengarang berdialog untuk membawahkan nilai yang harmoni di dalam minda pembaca. Kombinasi dan penyesuaian kedua-dua teori ini dapat menghasilkan satu lagi proses untuk pembaca berinteraksi dengan karya di samping proses pengkonkritan estetik. Kehadiran proses estetik intertekstual hanya berfungsi untuk melengkapkan dan memantapkan proses pengkonkritan estetik di dalam teori *rasa-fenomenologi*. Dengan kata lain, proses estetik intertekstual menjadi sebahagian daripada komponan penting teori *rasa-fenomenologi* untuk membina pengalaman estetik yang berkesan.

### 1.6 Organisasi Tesis

Kajian ini disusun kepada sebelas bab. Di dalam BAB I, kajian bermula dengan satu Pengenalan yang di dalamnya membincangkan tentang "Pernyataan Kajian",

"Objektif Kajian", "Kepentingan Kajian", "Tinjauan Kajian Karya-Karya A. Samad Said", "Metodologi Kajian" dan "Organisasi Tesis."

Seterusnya, di dalam BAB II pula, perhatian pembaca dibawa kepada penjelasan dan penghuraian tentang sejarah perkembangan falsafah keindahan di Barat, bermula dengan Teori Keindahan Objektif hingga kepada Teori Keindahan Subjektif. Seterusnya untuk lebih sistematik, perbincangan di dalam BAB II akan bertolak berdasarkan kepada sub-tajuk-sub-tajuk seperti "Hakikat dan Fungsi Estetika serta Skop Kajiannya," "Estetika: Falsafah Keindahan," "Teori Keindahan Objektif (Teori Keindahan)" dan "Teori Keindahan Subjektif (Teori Estetik)."

Di dalam BAB II, penjelasan dan perbincangan ditumpukan kepada falsafah keindahan dan perhubungannya dengan karya sastera kerana terdapat beberapa faktor penting supaya pembaca mudah mengikuti pembincangan. Falsafah keindahan ini akan dibincangkan berdasarkan kepada dua teori iaitu teori keindahan objektif ataupun dikenali juga sebagai *theory of beauty* dan teori keindahan subjektif yang juga dikenali sebagai *theory of aesthetic*. Teori keindahan objektif dibincangkan terlebih dahulu supaya pembaca dapat memahami perkembangan awal konsep

keindahan sebelum munculnya konsep keindahan yang berasaskan kepada pengalaman. Perbincangan dan penjelasan begini penting supaya pembaca dapat disediakan dengan satu kefahaman yang jitu sebelum melangkah ke dalam BAB III.

Di dalam BAB III yang bertajuk "Teori Rasa-fenomenologi," perbincangan tentang falsafah keindahan dilanjutkan lagi, tetapi tumpuan dan pengkhususan diberi kepada perbincangan dan perbahasan tentang pengalaman estetik. Dua buah teori estetik telah dipilih untuk tujuan kajian ini iaitu teori *rasa-dhvani* dari Timur (India) dan teori estetik fenomenologi dari Barat (Poland). Kedua-dua teori estetik ini dibincangkan dan diperlihatkan kekuatan dan kelebihannya supaya pembaca akan dapat memahami rasionalnya mengapa dan bagaimana kedua-dua teori ini digabungkan untuk menghasilkan satu teori estetik yang lebih sesuai dengan tujuan kajian ini.

Beberapa istilah dan konsep dipinjam daripada teori *rasa-dhvani* dan teori estetik fenomenologi. Istilah-istilah itu telah diberi penguraian dan penjelasan sama ada di dalam BAB III ataupun di dalam "catatan hujung" pada penghujung bab yang sama.

:

Di dalam BAB III, perbincangan akan juga berkisar dan bertumpu kepada perkara-perkara di bawah sub-tajuk-

sub-tajuk seperti "Teori Rasa dan Sejarah Perkembangannya," "Teori *rasa-dhvani*," "Kritikan Terhadap Teori *rasa-dhvani*," "Teori *rasa-fenomenologi*," "Peringkat dan Proses Di Dalam Pengalaman Estetik Mengikut Teori *rasa-fenomenologi*," "Teori *rasa-fenomenologi*: Pembaca dan Pengarang," "Pengadilan Estetik," "Pengadilan Estetik dan Praestetik," "Proses Estetik Intertekstual" dan akhir sekali "Penilaian Estetik."

BAB IV, V, VI, VII, VIII, IX dan X merupakan bab-bab yang merakamkan pengalaman estetik yang dirasionalkan, dikongkritkan dan dipersembahkan secara kreatif melalui pengadilan estetik. Korelatif objektif bagi setiap ekspresi sastera itu dijalaskan dan diperlihatkan bagaimana pengarang membangunkannya melalui teknik penulisan dan dikembangkan oleh pembaca melalui proses estetik intertekstual dan proses pengkonkritan estetik. Melalui pengadilan estetik itu juga, beberapa ekspresi sastera yang berkesan kepada pembaca telah dapat dikenalpasti. Ketujuh-tujuh bab ini juga merupakan pengalaman estetik yang dialami menerusi karya-karya A. Samad Said. Dengan kata lain, BAB III hingga X merupakan aplikasi teori *rasa-fenomenologi* ke atas karya-karya A. Samad Said.

Pembinaan tujuh bab ini tidak diasaskan kepada genre tertentu dan tidak juga berasaskan kepada periodisasi. Sebaliknya, setiap bab itu, dibina berdasarkan kepada ekspresi sastera yang telah ikenalpasti. Ketujuh-tujuh bab itu boleh disenaraikan seperti berikut; BAB IV (Rasa Dahsyat), BAB V (Rasa agum), BAB VI (Rasa Duka), BAB VII (Rasa Berang), BAB III (Rasa Wira), BAB IX (Rasa Berahi) dan BAB X (Rasa enci). Akhir sekali, BAB XI merupakan bab kesimpulan yang menjelaskan objektif-objektif yang telah dicapai di amping memberi pandangan tentang falsafah keindahan dan perbandingan estetik di dalam konteks kesenian yang lebih jas.

## Catatan Hujung

1. Lihat *Laporan Anugerah Sastera Negara 1985* (1986: 59-64) untuk mendapatkan senarai sebahagian daripada ulasan, kritikan, dan kajian tentang karya-karya A. Samad Said yang dilakukan oleh pengkaji sastera tempatan dan juga luar negara dari mula pada tahun 1956 hingga kepada tahun 1984. Di dalam laporan ini, terdapat 85 buah eseи yang ringan dan diterbitkan di dalam majalah dan akhbar. Hanya terdapat dua buah kajian yang berbentuk ilmiah iaitu daripada; Abdullah Tahir (1980). "Proses Penciptaan Novel Tiga Orang Novelis Melayu: Ishak Haji Muhammad, A. Samad Said dan Shahnon Ahmad," Tesis, Jabatan Melayu, Universiti Malaya Kuala Lumpur (Tesis ini telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989). Muhammad Yusuf Hussain (1985). "Pembicaraan Novel Salina." Latihan Ilmiah, Jabatan Pengajian Melayu Universiti Malaya. Umumnya, eseи-eseи yang dihasilkan oleh pengkaji-pengkaji di dalam laporan ini berkisar kepada persoalan seperti tema, struktur, pemikiran dan proses kreatif.

2 Kecenderungan pengkaji-pengkaji sastera tempatan terus memburu karya-karya terbaru A. Samad Said seperti Lufti Abas (1985), A. Rahim Abdullah (1985), Kamaruddin Abdul Rahman (1992), Mohammad Fauzi (1990), Johan Jaafar (1992) dan Rahman Shaari (1993). Walau bagaimanapun, perbincangan mereka masih juga meperkatakan persoalan yang sama seperti tema, struktur (teknik penulisan) dan pemikiran. Persoalan keindahan, khususnya pengalaman estetik dan hubungannya dengan karya-karya A. Samad Said masih terasing dan seperti diasingkan.

## BAB II

### ESTETIKA

Kemunculan istilah estetika berlaku hanya pada abad ke-18 dan kehadiran istilah ini telah membawa satu perkembangan baru di dalam bidang falsafah khususnya di dalam persoalan keindahan.

#### 2. 1 Estetika: Hakikat, Fungsi dan Skop Kajiannya

Falsafah merangkumi lima bidang utama iaitu, estetika (*aesthetics*) etika, epistemologi, metafizika dan logika<sup>1</sup>. Mengkaji hakikat dan fungsi falsafah secara tidak langsung mencerminkan juga kajian tentang hakikat dan fungsi estetika. Sehubungan dengan itu, ada baiknya melihat dan memahami terlebih dahulu hakikat dan fungsi falsafah untuk mendapatkan gambaran casar hakikat dan fungsi estetika. Pengertian yang padat dan jitu tentang hakikat dan tujuan falsafah telah diperkatakan di antaranya oleh Harold Titus (1964: 6-9) dan dengan jelas beliau menyatakan bahawa: (i) falsafah alah satu sikap tentang kehidupan dan alam, (ii) alsafah [estetika] ialah satu pendekatan tentang

pertanyaan-pertanyaan yang reflektif dan akalih,  
(iii) falsafah ialah satu usaha untuk mendapatkan satu pandangan yang menyeluruh, (iv) falsafah ialah satu analisis logik tentang bahasa dan penjelasan mengenai maksud istilah-istilah dan konsep-konsep tertentu dan (v) falsafah ialah sekumpulan masalah dan teori bagaimana untuk mengatasinya. Dengan kata lain, dengan memahami hakikat dan fungsi falsafah maka secara tidak langsung, hakikat dan fungsi estetika dapat juga dikuasai.

Walau bagaimanapun, justeru estetika hanya salah satu cabang di dalam bidang falsafah maka sudah pasti ia mempunyai ciri-ciri yang berbeza daripada cabang-cabang falsafah yang lain. Dan untuk memahami dan mendalami estetika sebagai satu disiplin yang tersendiri maka skop kajiannya perlu diketahui dengan jelas.

Skop kajian estetika dapat dijejaki melalui perkembangan pentafsiran falsafah estetika itu sendiri. Estetika merakamkan sejarah yang panjang sebelum mendapat tempatnya dalam bidang falsafah pada hari. Terdapat beberapa pandangan yang memberi pentafsiran yang berbeza dan perbezaan pentafsiran menghasilkan juga perbezaan pendekatan. Pendekatan yang pertama ialah pendekatan yang meletakkan estetika sebagai satu bidang ilmu yang